

## Perjanjian Affiliate FBS

Perjanjian Affiliate ini (selepas dari ini disebut sebagai "Perjanjian") mengawal atur hubungan antara **Conertics Inc.** dengan nombor pendaftaran syarikat 118351 dan alamat berdaftar di Kukuczki Jerzego 41, Warszawa, Poland, (kemudian daripada ini disebut sebagai "Syarikat") sebagai pihak pertama, dengan orang (individu atau entiti perundangan) yang telah mendaftarkan akaun rakaniaga (kemudian daripada ini disebut sebagai "Rakaniaga") sebagai pihak kedua, dan secara bersama disebut sebagai "Pihak-pihak".

### 1. Istilah-istilah yang digunakan di dalam Perjanjian Affiliate

**Syarikat** bererti **Conertics Inc.** iaitu syarikat yang memiliki (bersama dengan entiti-entiti yang bersekutu dengannya) **Produk-produk berjenama 'FBS'** dan menganjurkan Program Affiliate FBS.

**Rakaniaga** bererti individu atau entiti perundangan yang telah menyetujui terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Affiliate ini dan menjadi peserta Program Affiliate FBS.

**Laman web Syarikat** bererti laman [fbs-affiliate.com](https://fbs-affiliate.com) yang dimiliki oleh Syarikat, mengandungi maklumat tentang Program Affiliate Syarikat dan Akaun-akaun Rakaniaga.

**Produk-produk berjenama 'FBS'** bererti produk-produk yang dimiliki oleh Syarikat dan sekutu-sekutunya (sebagai contoh: fbs.com dengan domain-domain tempatan, Laman Peribadi dan laman-laman persinggahan, my.fbs.com, serta perisian mudah alih seperti FBS CopyTrade dan FBS Trader). Senarai penuh Produk-produk yang tersedia untuk program affiliate ada terdapat di Lampiran 1 pada Perjanjian ini.

**Program Affiliate (Program Affiliate FBS)** bererti bentuk kerjasama antara Syarikat dan Rakaniaga yang berkenaan dengan penyebaran maklumat tentang **Produk-produk berjenama FBS** yang dinamakan Affiliate FBS.

**Akaun Rakaniaga** bererti akaun pengguna peserta Program Affiliate FBS di laman peribadi Rakaniaga [partner.fbs-affiliate.com](https://partner.fbs-affiliate.com), yang termasuk di dalamnya data peribadi dan data kontak peserta, dan maklumat tentang keberkesanan kerjasama dengan Syarikat di dalam kerangka Program Affiliate dan Perjanjian Affiliate, dan tentang komisen-komisen Rakaniaga.

**Bahan-bahan Pemasaran** bererti sepanduk-sepanduk, pautan-pautan teks dan bahan-bahan pemasaran (pengiklanan) lain yang dicipta oleh Syarikat atau oleh Rakaniaga untuk menjalankan tanggungjawab yang diterima menerusi Perjanjian ini, dengan tujuan untuk menyebarkan maklumat tentang **Produk-produk berjenama 'FBS'**, dan digunakan untuk kerja-kerja pengiklanan bagi menarik pelanggan.

### 2. Subjek Perjanjian

Selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian ini, Rakaniaga harus mendaftarkan Akaun Rakaniaga di laman web Syarikat dan berkewajipan menyebarkan maklumat mengenai **Produk-produk berjenama 'FBS'** dan menarik pelanggan untuk menggunakan **Produk-produk berjenama 'FBS'** sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini dan tawaran yang diberikan oleh Syarikat. Syarikat berkewajipan untuk membayar kepada Rakaniaga sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini.

### 3. Akaun Rakaniaga

Rakaniaga harus mendaftarkan Akaun Rakaniaga demi untuk menyertai Program Affiliate.

Orang yang berumur layak (18 atau lain-lain umur dewasa yang sejajar dengan ketetapan undang-undang di negara mastautin beliau) boleh menyertai Program Affiliate. Kakitangan Syarikat tidak boleh menjadi Rakaniaga Syarikat.

Rakaniaga harus mengisi borang pendaftaran di laman web Syarikat untuk mendaftar. Dengan membuka Akaun Rakaniaga, Rakaniaga berkewajipan untuk memberikan data peribadi beliau yang terkini dan mengesahkan beliau bertanggungjawab sekiranya beliau memberikan data peribadi yang palsu dan/atau memberikan data kepada pihak ketiga. Selepas mengisi borang pendaftaran Rakaniaga harus memilih sistem pembayaran yang bersesuaian dari senarai di Akaun Rakaniaga. Dengan membuka Akaun Rakaniaga [partner.fbs-affiliate.com/signup](http://partner.fbs-affiliate.com/signup) Rakaniaga tersebut mengesahkan beliau berstatus sah di sisi undang-undang untuk memasuki perjanjian dengan Syarikat, memahami dan menerima tanpa syarat terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini pada borang tersebut di mana ia disediakan secara kekal di laman web Syarikat. Rakaniaga menerima polisi-polisi dan dokumen-dokumen Syarikat, yang dirujuk di dalam Perjanjian ini.

Selepas pendaftaran Rakaniaga harus memilih tawaran dari suatu senarai: [partner.fbs-affiliate.com/offer/list](http://partner.fbs-affiliate.com/offer/list). Demi untuk berkerja dengan suatu tawaran yang eksklusif dengan syarat-syarat yang khusus, Rakaniaga harus menghantar permohonan bertulis kepada pengurus peribadi. Pengurus peribadi tersebut harus menghubungi Rakaniaga di dalam tempoh tiga (3) hari berkerja.

*Dengan memberikan data beliau untuk pendaftaran bagi Program dan membuka sebuah Akaun, Rakaniaga tersebut mengesahkan dan menjamin bahawasanya beliau sudah mengetahui semua peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian ini, memahami maksud-maksudnya dan dengan tanpa syarat menyetujuinya bersekali dengan sebarang polisi dan dokumen Syarikat yang dirujuk di dalam teks yang terkandung di dalamnya. Peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip penggunaan dan perlindungan data peribadi Rakaniaga dikawal selia oleh Polisi Privasi.*

#### **4. Syarat-syarat Kerjasama**

4.1. Kerjasama antara Syarikat dan Rakaniaga haruslah berdasarkan kepada Perjanjian ini bersekali dengan semua Lampiran dan tawaran Rakaniaga yang harus disediakan oleh Syarikat. Semua Lampiran kepada Perjanjian ini adalah bahagian terkamir Perjanjian ini. Rakaniaga harus mempromosikan Produk-produk berjenama 'FBS' dan Syarikat harus membayar komisen berdasarkan model yang dipilih oleh Rakaniaga: Perkongsian Perolehan atau CPA. Syarat-syarat asas tentang model kerjasama antara Syarikat dan Rakaniaga dinyatakan di Lampiran 1 Perjanjian ini.

4.2. Untuk memulakan promosi tawaran, Rakaniaga harus membaca syarat-syaratnya dengan cermat dan memastikan beliau memahami semua peruntukan tawaran tersebut, maksud-maksudnya dan menyetujuinya tanpa syarat.

4.3. Depositori mengandungi semua bahan pemasaran yang tersedia untuk Rakaniaga dinyatakan di tawaran Rakaniaga (pautan ke storan awan, laman web Syarikat, dsb.). Rakaniaga haruslah mematuhi semua arahan Syarikat berkenaan kandungan bahan-bahan dan maklumat pemasaran. Rakaniaga dibenarkan untuk mengiklankan **Produk-produk berjenama 'FBS'** menerusi laman-laman web dan sumber-sumber lain yang telah diperiksa dan diluluskan oleh Syarikat. Komunikasi antara Rakaniaga dan Syarikat dilakukan oleh seorang pengurus peribadi yang juga kakitangan Syarikat.

4.4. Rakaniaga boleh menggunakan semua bahan pemasaran yang tersedia di akaun Rakaniaga beliau, termasuk logo-logo FBS. Dalam masa yang sama, Rakaniaga haruslah mematuhi semua arahan Syarikat berkenaan kandungan bahan-bahan dan maklumat pemasaran. Rakaniaga dibenarkan untuk mengiklankan **Produk-produk berjenama 'FBS'** menerusi laman-laman web dan sumber-sumber lain yang telah diperiksa dan diluluskan oleh Syarikat. Senarai penuh sumber-sumber yang ada harus dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga. Komunikasi antara Rakaniaga dan Syarikat dilakukan oleh seorang pengurus peribadi yang juga kakitangan Syarikat. Rakaniaga mesti menggunakan bahan-bahan pemasaran yang dibekalkan oleh Syarikat dengan wajar dan hanya untuk tujuan-tujuan pelaksanaan kewajipan di bawah Perjanjian Affiliate.

4.5. Semua bahan pemasaran yang dicipta sendiri oleh Rakaniaga dan/atau oleh pihak-pihak ketiga di atas arahan beliau haruslah dipersetujui oleh Syarikat dengan menghubungi pengurus peribadi sebelum sumber tersebut diterbitkan. Penggunaan bahan-bahan yang dicipta sendiri di sumber-sumber kerja Rakaniaga oleh Rakaniaga tanpa persetujuan dari Syarikat tidak boleh diterima dan bercanggah dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Affiliate. Di dalam kes ini, tindakan sasaran tidak akan dibayar, akaun Rakaniaga akan disekat. Rakaniaga mesti menghantarkan bahan-bahan berkenaan kepada pengurus peribadi untuk mendapatkan kelulusan. Sebelum itu, Rakaniaga tersebut haruslah memastikan bahan-bahan pemasaran yang telah dihantar untuk kelulusan mematuhi syarat-syarat bagi bahan-bahan berkenaan seperti yang sudah ditetapkan di dalam Perjanjian Affiliate.

4.6. Harus diketahui bahawa semua pelanggan yang ditarik akan dianggap sebagai pelanggan **Conertics Inc.** dan sekutu-sekutunya secara eksklusif. Syarikat dan sekutu-sekutunya harus dianggap sebagai pemilik tunggal dan eksklusif pangkalan data yang mengandungi data nama dan kontak, serta lain-lain maklumat tentang pelanggan-pelanggan berkenaan. Rakaniaga dilarang dari menghubungi pelanggan-pelanggan dalam apa jua cara tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Syarikat terlebih dahulu. Sebarang percubaan oleh Rakaniaga untuk menghubungi pelanggan-pelanggan yang ditarik boleh dianggap oleh Syarikat sebagai pelanggaran peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

## **5. Bayaran:**

5.1. Model Perkongsian Perolehan: Rakaniaga akan menerima suatu peratusan (perkongsian) dari perolehan yang diperolehi oleh Syarikat dari spread semua pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga. Semua butiran bayaran dinyatakan di Lampiran 1 dan ia juga harus dipersetujui di dalam tawaran Rakaniaga.

5.2. Model CPA: Rakaniaga akan menerima suatu ganjaran malar untuk pelakuan tindakan sasaran oleh pelanggan-pelanggan. Semua butiran bayaran dinyatakan di Lampiran 1 dan ia juga harus dipersetujui di dalam tawaran Rakaniaga.

5.3. Bayaran boleh dilakukan bila amaun minimum yang boleh dibayar dicapai sejajar dengan syarat-syarat tawaran Rakaniaga.

5.4. Syarikat boleh melakukan pembayaran untuk Rakaniaga yang berjaya dan/atau Rakaniaga yang diberikan tawaran eksklusif di atas permintaan Rakaniaga berkenaan. Syarikat berhak untuk mengubah amaun pembayaran bagi pelan khusus di atas pertimbangan dan budi bicara mutlak Syarikat.

## **6. Hak dan Kewajipan Pihak-pihak**

6.1. Rakaniaga berkewajipan untuk:

6.1.1. menyediakan kepada Syarikat data peribadi yang sah dan boleh diandalkan bila mendaftarkan Akaun Rakaniaga;

6.1.2. mematuhi dengan tegas Peraturan Pemasaran Syarikat yang merupakan bahagian terkamir dokumen ini;

6.1.3. bersetuju dengan Syarikat sumber-sumber trafik yang diperbolehkan untuk digunakan oleh Rakaniaga bagi pengiklanan beliau. Semua sumber-sumber dan semua syarat-syarat eksklusif dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga.

6.1.4. mematuhi dengan ketat setiap dan semua syor pemasaran Syarikat bila melaksanakan kewajipan di dalam Perjanjian ini;

6.1.5. membayar cukai di atas dana-dana yang diterima sebagai komisen dari Syarikat jika ia menjadi satu tuntutan di negara tempat Rakaniaga bermastautin. Dalam masa yang sama,

melepaskan Syarikat dari tanggungjawab di atas kegagalan Rakaniaga menunaikan tanggungjawab membayar sendiri cukai.

6.2. Rakaniaga berhak untuk:

6.2.1. Menyebarkan maklumat berkenaan Syarikat dan menarik pelanggan-pelanggan baru ke **Produk-produk berjenama 'FBS'** dengan menggunakan apa-apa perkakas yang legal, bahan-bahan pemasaran, dan sumber-sumber trafik yang dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga dan dipersetujui oleh pengurus peribadi, kecuali untuk kaedah-kaedah yang dilarang oleh Perjanjian ini dan/atau tawaran Rakaniaga, oleh perundangan negara-negara di mana **Produk-produk berjenama 'FBS'** diiklankan, serta standard konvensional moral dan etika;

6.2.2. menjejak kemajuan/keberkesanan kempen-kempen pengiklanannya dengan menggunakan perkakas-perkakas yang disediakan di Akaun Rakaniaga;

6.2.3. mengeluarkan ganjaran yang diterima sejajar dengan terma-terma Perjanjian ini, Lampiran-lampiran bagi Perjanjian ini, dan tawaran Rakaniaga;

6.2.4 menggunakan bahan-bahan pemasaran yang dicipta oleh Syarikat dan diletakkan di sumber-sumber Syarikat yang dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga (pautan ke storan awan, laman web Syarikat, dsb.).

6.3. Syarikat berkewajipan untuk:

6.3.1. mengira dan memindahkan komisen kepada Rakaniaga tepat pada masanya;

6.3.2. menyimpan rekod pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga;

6.4. Syarikat berhak untuk:

6.4.1. menjejak aktiviti-aktiviti para Rakaniaga dan pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh mereka, mengadakan laporan dan menganalisis tahap keberkesanan Rakaniaga;

6.4.2. menggantung pembukaan akaun pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga, serta menggantung pembayaran komisen kepada Rakaniaga, sekiranya dikesan berlaku pelanggaran Perjanjian ini oleh Rakaniaga; menyekat fungsi pengeluaran komisen dan dana-dana yang terkumpul di Akaun sehingga situasi menjadi jelas.

6.4.3. sekiranya terjadi pelanggaran syor-syor pemasaran oleh Rakaniaga, Syarikat berhak untuk:

- A. memberikan amaran kepada Rakaniaga dan menetapkan masa untuk menghapuskan kesalahan-kesalahan demi untuk memperbaiki pelanggaran Perjanjian ini;
- B. tidak mengambil kira pelanggan-pelanggan yang ditarik sepanjang tempoh pelanggaran Perjanjian ini;
- C. memutuskan tentang penamatan kerjasama dengan Rakaniaga dan Perjanjian ini dengan notis serta-merta kepada Rakaniaga, penyekatan Akaun dan penggantungan perakaunan pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga, tanpa membayar komisen bagi pelanggan-pelanggan yang telah ditarik sebelum itu. Sekatan Akaun adalah proses menghadkan akses Rakaniaga kepada Akaun Rakaniaga di laman web Syarikat [partner.fbs-affiliate.com](https://partner.fbs-affiliate.com).

## 7. Liabiliti Pihak-pihak

7.1. Rakaniaga harus bertanggungjawab sepenuhnya kepada Syarikat untuk penggunaan tanpa izin terhadap bahan-bahan, simbol-simbol, maklumat dan laman web milik Syarikat dan berkewajipan untuk memampas sebarang kos secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Syarikat sebagai akibat dari aktiviti-aktiviti Rakaniaga.

7.2. Rakaniaga bertanggungjawab sepenuhnya untuk keselamatan login dan kata laluan Akaun Rakaniaga, serta keabsahan data yang dihantarkan kepada Syarikat mengenai instrumen pembayaran untuk pengeluaran dana yang dipindahkan sebagai komisen;

7.3. Rakaniaga bertanggungjawab sepenuhnya kepada pihak-pihak ketiga untuk penggunaan tanpa izin harta-harta intelek pihak-pihak tersebut bila mencipta bahan-bahan pemasaran; sekiranya sebarang kos dibebankan kepada Syarikat berakibat dari tindakan-tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Rakaniaga berkaitan dengan penggunaan harta-harta intelek pihak ketiga oleh Rakaniaga, Rakaniaga berkewajipan untuk memampas sebarang kerugian dan kos kepada Syarikat secara penuh;

7.4. Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk kegagalan pelaksanaan kewajibannya yang berakibat dari sebab-sebab yang di luar kawalan Syarikat, seperti kegagalan teknikal pada kerja-kerja komunikasi dan pembekal-pembekal rangkaian telekomunikasi, dsb.

7.5. Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas kekurangan/ketiadaan tindakan oleh pihak Rakaniaga.

7.6. Rakaniaga bertanggungjawab sepenuhnya untuk tindakan-tindakan yang dilakukannya di bawah Perjanjian ini dan menjamin bahawasanya beliau mempunyai kapasiti perundangan untuk melaksanakan tindakan-tindakan tersebut, dan tindakan-tindakan tersebut tidak melanggar undang-undang yang sah di negara mastautin Rakaniaga.

## 8. Peraturan-peraturan Pemasaran

*Perdagangan Forex dan CFD adalah aktiviti yang dikawal selia justeru semua bahan-bahan promosi haruslah adil, tidak mengelirukan, jelas, serta semua tindakan Rakaniaga haruslah mematuhi semua peraturan-peraturan ini dengan ketat. Pelanggaran mana-mana peruntukan tertentu Peraturan-peraturan boleh dianggap oleh Syarikat sebagai pelanggaran peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan mengakibatkan penamatan serta-merta Perjanjian dengan Rakaniaga.*

8.1. Rakaniaga harus menjamin untuk tidak mengiklankan Produk-produk berjenama 'FBS' kepada orang-orang yang tinggal di negara-negara di mana perdagangan Forex dilarang oleh undang-undang. Sebelum memulakan kerja-kerja, Rakaniaga harus memastikan bahawa sumber-sumber kerjanya tidak disasarkan kepada khalayak yang tidak berhak untuk menggunakan laman web yang diiklankan. Rakaniaga berkewajipan untuk mendapatkan persetujuan dari Syarikat (menerusi pengurus peribadi) berkenaan lokasi-lokasi geografi yang dirancang untuk kerja-kerja Rakaniaga. Semua syarat-syarat tentang lokasi geografi di mana Rakaniaga mempunyai hak untuk kerjakan haruslah dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga.

8.2. Rakaniaga harus sasarkan aktiviti-aktiviti pengiklannya kepada mana-mana orang yang berusia lebih dari 18 tahun atau lain-lain umur dewasa yang ditetapkan bagi wilayah berlakunya aktiviti-aktiviti Rakaniaga (wilayah di mana **Produk-produk berjenama 'FBS'** diiklankan).

8.3. Rakaniaga tidak berhak untuk menarik saudara-mara, rakan-rakan dan lain-lain orang yang berkepentingan sebagai pelanggan ke laman web yang diiklankan. Dalam perkataan lain, adalah dilarang untuk membolehkan/menawarkan kepada saudara-mara, rakan-rakan, orang-orang lain yang dikenali untuk mendaftar menggunakan pautan-pautan Rakaniaga atau apa-apa cara lain. Di dalam kerangka Program Affiliate, istilah "saudara-mara" termasuklah, namun tidak terhad kepada: pasangan, ibu bapa, anak-anak, dan adik-beradik.

8.4. Adalah dilarang untuk menarik pelanggan menerusi tawaran untuk mendaftar di laman yang diiklankan menerusi pautan Rakaniaga dengan balasan wang atau sebarang ganjaran lain.

8.5. Adalah dilarang untuk menggunakan pelencongan secara langsung dan serta-merta dari nama domain sendiri atau sebarang nama domain lain ke nama domain Syarikat dan **Produk-produk berjenama 'FBS'** yang diiklankan. Rakaniaga tidak mempunyai hak untuk mendaftarkan tanda-tanda dagangan dan/atau nama-nama domain yang mengandungi tanda-tanda dagangan atau nama-nama domain Syarikat dan sekutu-sekutunya, atau yang seakan-akan dengannya sehingga boleh mengelirukan. Rakaniaga bersetuju bahawa sebarang penggunaan tanda-tanda dagang, termasuk sebarang penggunaan nama-nama domain yang mengandungi tanda-tanda dagang

Syarikat dan sekutu-sekutunya atau bahagian-bahagian yang seakan-akan tanda-tanda dagang Syarikat dan sekutu-sekutunya sehingga boleh mengelirukan, dilakukan hanya untuk manfaat Syarikat dengan di bawah syarat-syarat Perjanjian Affiliate; Rakaniaga tidak beroleh sebarang hak ke atas tanda-tanda dagang Syarikat dan sekutu-sekutunya dan lain-lain derivatif pengkhususan dari penggunaan beliau ke atas perkara-perkara yang tersebut.

8.6. Adalah dilarang untuk menggunakan pengiklanan kontekstual dengan menggunakan kata-kata kunci yang mengandungi nama jenama, tanda dagang atau nama yang didaftarkan untuk Syarikat, termasuklah yang seakan-akan, derivatif, ejaan yang salah atau terjemahan ke bahasa-bahasa lain. Adalah dilarang untuk mendaftarkan kata-kata kunci yang tersebut, unsur-unsur carian atau lain-lain pengenalan untuk kegunaan pada sistem dapat semula data atau laman web, servis pengiklanan atau sebarang servis carian atau rujukan. Penggunaan nama jenama Syarikat dibenarkan pada teks iklan itu sendiri.

8.7. Adalah dilarang untuk menggunakan carian-carian berjenama serta nama-nama jenama pesaing-pesaing Syarikat (dan sekutu-sekutunya) bagi tujuan mengiklankan Syarikat, termasuklah dalam bentuk-bentuk derivatif atau yang dieja dengan salah. Rakaniaga juga berkewajipan untuk menahan diri dari membandingkan "FBS" dengan jenama-jenama pesaing, dan juga dari mendedahkan syarikat-syarikat lain dengan jelik secara tidak munasabah. Peraturan yang sama juga terpakai jika Rakaniaga membeli iklan di rangkaian pengiklanan (seperti Google AdWords or BingAds).

8.8. Rakaniaga harus menyatakan dengan jelas maklumat tentang hubungan kerjasama dengan Syarikat pada laman-laman web dan sumber-sumber yang digunakan untuk kerja beliau. Sebarang sumber-sumber Rakaniaga yang dibangunkan sendiri oleh Rakaniaga atau dengan penglibatan pihak-pihak ketiga, yang dikhususkan hanya untuk aktiviti-aktiviti Syarikat mestilah mengandungi pernyataan bahawa sumber-sumber sebegitu bukanlah laman/sumber rasmi Syarikat. Penggunaan nama-nama domain yang seakan-akan sehingga boleh mengelirukan untuk sumber-sumber kerja Rakaniaga tidak boleh diterima dan pencabulan Peraturan-peraturan ini dan peruntukan-peruntukan Perjanjian Affiliate.

8.9. Adalah dilarang untuk menawarkan bonus bagi pihak Syarikat dan sekutu-sekutunya, yang berbeza dari bonus-bonus yang ditawarkan oleh Syarikat dan sekutu-sekutunya. Untuk mengetahui maklumat semasa mengenai tawaran-tawaran dan program-program bonus, Rakaniaga harus menghantarkan permohonan bertulis kepada pengurus peribadi.

8.10. Bila menggunakan bahan-bahan pemasaran yang dicipta untuk Rakaniaga oleh pihak-pihak ketiga, Rakaniaga haruslah mempunyai semua permit-permit yang diperlukan dari pihak ketiga yang sebegitu untuk menggunakan bahan-bahan tersebut, dan Rakaniaga haruslah membebaskan Syarikat dari sebarang aduan dan pertikaian bersangkutan dengan keabsahan penggunaan bahan-bahan tersebut oleh Rakaniaga.

8.11. Jika bahan berkenaan diletakkan di sumber Rakaniaga dengan menyebut peluang untuk meraih keuntungan dari menggunakan **Produk-produk berjenama 'FBS'**, Rakaniaga berkenaan haruslah meletakkan pada sumber yang sama dan/atau dalam bahan yang sama satu amaran berkenaan risiko-risiko kewangan yang berkaitan dengan ciri-ciri **Produk-produk berjenama 'FBS'**. Pernyataan risiko haruslah dibuat menggunakan tulisan yang jelas dan boleh dibaca dan terletak di bahagian yang kelihatan dan mudah diakses pada sumber Web yang berkenaan. Pernyataan risiko haruslah dibuat dengan mematuhi secara ketat syarat-syarat dan tuntutan yang dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga.

8.12. Rakaniaga berhak untuk menyatakan maklumat mengenai lesen-lesen Syarikat hanya untuk menzahirkan kewujudannya dan elakkan konteks pembenaran aktiviti Syarikat.

8.13. Bagi kes di mana pada sumber kerja ada diberikan analisis perbandingan antara **Produk-produk berjenama 'FBS'** dan produk-produk syarikat-syarikat pesaing, hanya maklumat yang andal sahaja boleh digunakan, dengan menyatakan sekali pautan ke maklumat tersebut.

8.14. Adalah dilarang untuk menyatakan apa-apa jaminan dan janji-janji bagi pihak Syarikat dan sekutu-sekutunya. Sebarang tindakan bagi pihak Syarikat dan sekutu-sekutunya adalah dilarang sama sekali. Tindakan-tindakan Rakaniaga di dalam kerangka Perjanjian Affiliate haruslah tidak dicerminkan sebagai tindakan Syarikat dan sekutu-sekutunya walau dalam apa keadaan sekali pun. Dengan menarik pelanggan-pelanggan dan menyebarkan maklumat tentang Syarikat dan **Produk-produk berjenama 'FBS'**, Rakaniaga bertindak hanya untuk manfaat diri beliau di dalam kerangka Perjanjian Affiliate.

8.15. Rakaniaga berhak untuk membeli iklan di laman-laman lain, untuk menggunakan rangkaian pengiklanan dan aplikasi mudah alih. Sila maklum bahawa semua sumber-sumber trafik haruslah mematuhi dengan ketat semua syarat-syarat yang dinyatakan di tawaran Rakaniaga dan Perjanjian ini secara amnya.

8.16. Rakaniaga berhak untuk menggunakan media sosial (Facebook, Instagram, dsb.) untuk mempromosikan dan menarik pelanggan-pelanggan. Sila maklum bahawa adalah dilarang sama sekali untuk mencipta dan menguruskan laman-laman (pages) dan profil-profil yang serupa atau seakan-akan dengan laman-laman rasmi Syarikat dan sekutu-sekutunya serta menyalin dan/atau meniru kandungan yang diterbitkan di laman-laman dan profil-profil rasmi.

8.17. Adalah dilarang untuk menggunakan pembidaan jenama, fraud, trafik yang diinsentifkan, spam, trafik dari sumber yang digodam, trafik berinsentif dan lain-lain kaedah yang berfungsi dengan cara yang seakan-akan dengannya. Senarai penuh sumber-sumber yang dilarang dinyatakan di tawaran Rakaniaga.

8.18. Adalah dilarang untuk menggunakan sumber-sumber dan perkakas-perkakas web untuk penarikan pelanggan yang mungkin merosakkan dalam apa jua cara reputasi Syarikat (dan juga sekutu-sekutunya). Rakaniaga juga berkewajipan untuk menahan diri dari mengiklankan **Produk-produk berjenama 'FBS'** menggunakan pernyataan-pernyataan yang mengelirukan.

8.19. Rakaniaga mesti mematuhi syarat-syarat yang diterima pakai secara umum di dunia pemasaran digital berkaitan dengan 'spam' atau mesej-mesej elektronik dan perhubungan yang tidak dikehendaki oleh pelanggan seperti syarat-syarat dan ketetapan pada CAN-SPAM Act of 2003. Rakaniaga bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti beliau di dalam kerangka Perjanjian Affiliate akan konsisten dengan, di antaranya, standard-standard industri pemasaran digital. Sebarang tindakan yang tidak boleh diterima boleh dianggap sebagai pencabulan Peraturan-peraturan ini dan peruntukan-peruntukan Perjanjian Affiliate secara umum.

## 9. Harta intelek

Nama dagangan, tanda-tanda dagangan, logo-logo, dan lain-lain kaedah pengindividuan Syarikat, sama ada sudah didaftarkan atau tidak didaftarkan, serta semua unsur yang terkait dengannya seperti nama-nama domain, rekaan-rekaan dan komponen-komponen rekaan laman-laman web Syarikat dan **Produk-produk berjenama 'FBS'**, adalah dilindungi oleh undang-undang harta intelek. Syarikat menjamin bahan-bahan pemasaran yang dibangunkan oleh Syarikat dan diberikan kepada Rakaniaga untuk promosi produk/servis Syarikat, serta bahan-bahan yang diletakkan pada **Produk-produk berjenama 'FBS'** mungkin mengandungi kandungan yang bukan harta intelek Syarikat, termasuk namun tidak terhad kepada gambar foto, imej-imej, ikon-ikon, klip-klip video, trek-trek audio, teks, dsb. Kandungan-kandungan tersebut sentiasa digunakan oleh Syarikat secara sah dan dengan izin pemilik hakcipta, dan/atau bebas dari sebarang hak atau tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga. Penggunaan Bahan-bahan Pemasaran Syarikat oleh Rakaniaga tidak bermaksud pemberian hak-hak intelek tersebut kepada Rakaniaga untuk digunakan dan penyerahan harta intelek Syarikat dan kandungan **Produk-produk berjenama 'FBS'** kepada pihak-pihak ketiga.

Kerjasama harus dijalankan di atas dasar lesen non-eksklusif yang ringkas. Sejalan dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, Syarikat menyediakan kepada Rakaniaga suatu lesen yang tidak boleh dipindahkan kepada pihak-pihak ketiga untuk sepanjang tempoh Perjanjian ini untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran dan wadah pengindividuan Syarikat hanya untuk tujuan mempromosikan produk/perkhidmatan Syarikat dan penggunaannya di sumber/laman web Rakaniaga semata-mata.

Dengan menerima terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, Rakaniaga bersetuju untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran Syarikat dan hak untuk meletakkan wadah pengindividuan hanya untuk kegunaan mempromosikan produk-produk/servis-servis Syarikat. Pada masa yang sama, Rakaniaga berkewajipan dalam apa jua keadaan untuk tidak memasuki pertikaian dengan Syarikat tentang pemilikan bahan-bahan dan wadah pengindividuan. Rakaniaga berkewajipan untuk dengan serta merta memberitahu Syarikat sebarang kejadian penggunaan secara tidak sah bahan-bahan pemasaran dan/atau wadah pengindividuan Syarikat. Adalah dilarang untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran dan/atau wadah pengindividuan Syarikat untuk menjejaskan Syarikat.

## **10. Privasi**

Rakaniaga berkewajipan untuk memastikan keselamatan maklumat sulit yang diberikan oleh Syarikat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: mesej-mesej yang dihantar menerusi emel, dokumentasi dan data-data lain, yang menjadi pengetahuan Rakaniaga sepanjang tempoh berlakunya Perjanjian ini. Pihak-pihak dalam Perjanjian ini terikat dengan Peruntukan-peruntukan mengenai privasi termasuk 3 tahun selepas penamatan Perjanjian ini.

## **11. Tempoh dan Penamatan Perjanjian**

11.1. Perjanjian ini berkuatkuasa mulai dari saat penerimaan persetujuan calon Rakaniaga ketika beliau menghantarkan borang yang sudah diisi untuk pendaftaran Akaun Rakaniaga. Tempoh Perjanjian tidak terhad dan boleh ditamatkan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, termasuk oleh salah satu dari Pihak-pihak dalam Perjanjian ini.

11.2. Rakaniaga berhak untuk menamatkan Perjanjian ini di atas budi bicara beliau sendiri dengan menghantarkan notis bertulis kepada pengurus peribadi dengan menyatakan tarikh mulai dari mana Rakaniaga itu mahu Perjanjian ini ditamatkan.

11.3. Syarikat berhak untuk menamatkan Perjanjian ini secara sepihak di atas budi bicaranya sendiri dengan menghantarkan notis bertulis kepada alamat emel Rakaniaga yang dinyatakan di akaun Rakaniaga. Di dalam notis ini, Syarikat harus menyatakan tarikh mulai dari mana Perjanjian ini harus diperkirakan sudah tamat, serta prosedur untuk pemindahan komisen (sekiranya ada).

11.4. Perjanjian harus diperkirakan telah tamat dan tidak sah mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh pihak Perjanjian dalam notis penamatan.

11.5. Penamatan Perjanjian ini bererti pembatalan semua lesen dan hak yang diberikan kepada Rakaniaga untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran Syarikat, serta apa-apa simbol yang berkaitan dengan Syarikat dan/atau sumber-sumber maklumat yang dibangunkan oleh Rakaniaga dengan persetujuan Syarikat dan mengandungi maklumat mengenai Syarikat. Penamatan Perjanjian ini juga bererti penamatan kewajipan Syarikat berkaitan pemindahan komisen kepada Rakaniaga yang berkenaan untuk pelanggan-pelanggan yang ditarik. Selaras dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini berkaitan privasi berkuatkuasa walaupun terdapat pemberitahuan penamatan Perjanjian yang dihantar oleh mana-mana satu pihak.

## **12. Ketentuan Bahasa**



Perjanjian ini di dalam bahasa Inggeris boleh didapati di akaun Rakaniaga – [partner.fbs-affiliate.com](https://partner.fbs-affiliate.com). di seksyen 'Berita' dan juga di dalam keterangan tawaran. Seandainya ada sebarang percanggahan di antara versi bahasa Inggeris dan versi bahasa-bahasa lain, versi bahasa Inggeris Perjanjian ini mengatasi dan terpakai.

### **13. Aduan dan Pertikaian**

13.1. Syarikat berhak untuk membuat pindaan kepada teks Perjanjian ini, Lampiran-lampiran kepada Perjanjian dan lain-lain dokumen Syarikat yang dirujuk di dalam Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang alasan. Syarikat akan memaklumkan kepada Pelanggan tentang pindaan-pindaan berkenaan menerusi alamat emel yang dinyatakan di akaun Rakaniaga.

13.2. Syarikat berhak untuk mengubah syarat-syarat tawaran Rakaniaga atau untuk menarik balik tawaran Rakaniaga dengan menghantarkan notis ke alamat emel Rakaniaga yang dinyatakan di akaun Rakaniaga.

13.3. Sebarang aduan haruslah dihantar kepada pengurus peribadi, tempoh mempertimbangkan surat tersebut adalah sepuluh hari berkerja mulai dari penerimaan surat tersebut. Aduan-aduan tentang pampasan untuk kerosakan moral dan kehilangan manfaat tidak diterima untuk pertimbangan dan tidak boleh diberikan pampasan oleh Syarikat. Jika pertikaian tidak disebut di dalam Perjanjian ini, Syarikat boleh menyelesaikan pertikaian tersebut dengan budi bicaranya sendiri. Bagi sebarang kes, keputusan akhir harus dibuat oleh Syarikat. Pertikaian yang tidak dikawal oleh perundangan atau sewaktu pertimbangan aduan harus dirujuk ke mahkamah Poland. Undang-undang yang terpakai adalah undang-undang Poland.

## 1. Produk-produk berjenama 'FBS'

**FBS Global\*** – broker Forex antarabangsa yang dikawal selia oleh IFSC, Belize;

**FBS Copytrade** – aplikasi mudah alih, suatu platform pelaburan copy trading yang membolehkan pengguna meniru strategi pedagang yang dipilih dan menjana keuntungan di forex tanpa pengetahuan khusus, serta membolehkan pengguna-pengguna lain aplikasi tersebut untuk meniru strategi mereka dan mendapat keuntungan darinya;

**FBS Trader** – platform perdagangan mudah alih untuk berdagang di pasaran forex.

\* *Fbs.com, my.fbs.com + domain-domain tempatan dan laman-laman persinggahan (Landing pages)*

## 2. Jenis-jenis tawaran

Program Affiliate FBS menyediakan dua jenis tawaran untuk para Rakaniaga: Web dan Mobile yang berbeza model pembayaran, produk-produk promosi dan lokasi geografi promosi:

Web	Mobile
FBS Global* [WEB Revenue share]	FBS CopyTrade [Mobile Revenue share]
FBS Global [WEB CPA]	FBS CopyTrade [Mobile CPA]
	FBS Trader [Mobile Revenue share]
	FBS Trader [Mobile CPA]

\* *Fbs.com, my.fbs.com + domain-domain tempatan dan laman-laman persinggahan (Landing pages)*

Syarat-syarat penuh untuk setiap tawaran diperincikan di akaun Rakaniaga [partner.fbs-affiliate.com/offer/list](https://partner.fbs-affiliate.com/offer/list).

## 3. Model-model pembayaran:

1. Perkongsian Perolehan – sistem pembayaran kepentingan yang dikira berdasarkan keuntungan syarikat dari spread.  
CPA (cost per action) – bayaran kadar malar bagi aksi sasaran pelanggan yang terlaksana.

## 4. Maklumat pembayaran

Menurut model 'Perkongsian Perolehan' Rakaniaga akan menerima 40%-70% dari perolehan yang diterima oleh broker-forex dari spread semua pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga. Rakaniaga akan menerima bahagian mereka yang tersebut sepanjang 3 (tiga) bulan pertama mulai dari pendaftaran pelanggan di Produk-produk berjenama 'FBS'. Peratusan bahagian tersebut bergantung kepada bilangan pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga. Sila lihat jadual yang mengandungi KPI untuk perkongsian perolehan tawaran WEB di bawah:

Bilangan pelanggan yang ditarik* per bulan	Pendaftaran	Bilangan lot yang didagangkan oleh satu pelanggan	Peratusan dari perolehan menerusi spread (tiga bulan pertama)
1-10	+	min 2	40%
11-49	+	min 2	50%
50-99	+	min 2	60%
100 atau lebih	+	min 2	70%

1. Menurut model 'CPA', Rakaniaga akan menerima suatu ganjaran malar untuk pelakuan tindakan sasaran oleh pelanggan-pelanggan. Amaun pembayaran boleh berbeza-beza pada tawaran MOB bergantung kepada lokasi geografi dan jenis peranti mudah alih (IOS/Android) pelanggan yang ditarik; bagi tawaran WEB, ia bergantung kepada lokasi geografi pelanggan-pelanggan yang ditarik. Jumlah bayaran dan keterangan aksi sasaran yang dibayar diperincikan di keterangan tawaran.
2. Promosi Rakaniaga (konversi) dikawal dengan cermat oleh Syarikat. Konversi dibayar oleh Syarikat setelah tamat tempoh pendam (hold period). Tempoh pendam - suatu tempoh selama 30 hari kalendar di mana Syarikat mengawal konversi Rakaniaga. Tempoh pendam ditetapkan oleh Syarikat di atas budi bicaranya sendiri, Rakaniaga diberitahu menerusi emel.
3. Pembayaran dilakukan dua kali sebulan: pada hari ke-10 dan hari ke-25 setiap bulan. Seandainya tarikh-tarikh yang tersebut jatuh pada hujung minggu atau hari cuti, pembayaran akan dibuat pada hari berkerja pertama selepas hujung minggu dan/atau hari cuti.
4. Untuk Rakaniaga yang berpendapatan melebihi purata, pembayaran boleh dibuat di atas permintaan. Bagi kerjasama yang berjaya, Syarikat di atas budi bicaranya boleh meningkatkan pembayaran Rakaniaga tersebut.
5. Amaun minimum yang boleh dibayar adalah \$50. Matawang akaun adalah USD.

# Perjanjian untuk Affiliates dengan Trafik Negara-negara EEA

## 1. Umum

---

Perjanjian Affiliate Ini (kemudian daripada ini disebut sebagai “**Perjanjian**”) mengawal atur hubungan antara **Conertics Inc.**, sebuah Syarikat yang diperbadankan di Republik Cyprus dengan nombor pendaftaran HE456134 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Cyprus (kemudian daripada ini disebut sebagai “**CySEC**”) dengan nombor lesen 331/17 (kemudian daripada ini disebut sebagai “**Syarikat**”) sebagai pihak pertama, dengan orang (individu atau entiti perundangan) yang telah mendaftarkan akaun rakaniaga (kemudian daripada ini disebut sebagai “**Rakaniaga**” atau “**Affiliate**”) sebagai pihak kedua, (kemudian daripada ini secara kolektifnya disebut sebagai “**Pihak-pihak**”).

### 1.2 Istilah-istilah yang digunakan di dalam Perjanjian Affiliate

**Syarikat** bererti **Conertics Inc.**, iaitu syarikat yang memiliki (bersama dengan entiti-entiti yang bersekutu dengannya) Produk-produk berjenama 'FBS' dan menganjurkan Program Affiliate FBS.

**Rakaniaga** bererti individu atau entiti perundangan yang telah menyetujui terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Affiliate ini dan menjadi peserta Program Affiliate FBS.

**Laman web Syarikat** bererti laman fbs-affiliate.com yang dimiliki oleh Syarikat, mengandungi maklumat tentang Program Affiliate Syarikat dan Akaun-akaun Rakaniaga.

**Produk-produk berjenama 'FBS'** bererti produk-produk yang dimiliki oleh Syarikat dan sekutu-sekutunya (sebagai contoh: fbs.eu, Laman Peribadi dan laman-laman persinggahan (landing pages), my.fbs.eu). Senarai penuh Produk-produk yang tersedia untuk program affiliate terdapat di Lampiran 1 Perjanjian ini.

**Program Affiliate (Program Affiliate FBS)** bererti bentuk kerjasama antara Syarikat dan Rakaniaga yang berkenaan dengan penyebaran maklumat tentang Produk-produk berjenama FBS yang dinamakan Affiliate FBS.

**Akaun Rakaniaga** bererti akaun pengguna peserta Program Affiliate FBS di laman peribadi Rakaniaga parner.fbs-affiliate.com, yang termasuk di dalamnya data peribadi dan data kontak peserta, dan maklumat tentang keberkesanan kerjasama dengan Syarikat di dalam kerangka Program Affiliate dan Perjanjian Affiliate, dan tentang komisen-komisen Rakaniaga.

**Bahan-bahan Pemasaran** bererti sebanduk-sebanduk, pautan-pautan teks dan bahan-bahan pemasaran (pengiklanan) lain yang dicipta oleh Syarikat atau oleh Rakaniaga untuk menjalankan kewajipan yang diterima menerusi Perjanjian ini, dengan tujuan untuk menyebarkan maklumat tentang Produk-produk berjenama 'FBS', dan digunakan untuk kerja-kerja pengiklanan bagi menarik pelanggan.

### 1.3 Subjek Perjanjian

Selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian ini, Rakaniaga harus mendaftarkan Akaun Rakaniaga di laman web Syarikat dan berkewajipan menyebarkan maklumat mengenai

Produk-produk berjenama 'FBS' dan menarik pelanggan untuk menggunakan Produk-produk berjenama 'FBS' sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini dan tawaran yang diberikan oleh Syarikat. Syarikat berkewajipan untuk membayar kepada Rakaniaga sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini.

## 2. Akaun Rakaniaga

---

Rakaniaga harus mendaftarkan Akaun Rakaniaga demi untuk menyertai Program Affiliate.

Orang yang berumur layak (18 atau lain-lain umur dewasa yang sejajar dengan ketetapan undang-undang di negara mastautin beliau) boleh menyertai Program Affiliate. Kakitangan Syarikat tidak boleh menjadi Rakaniaga Syarikat.

Rakaniaga harus mengisi borang pendaftaran di laman web Syarikat untuk mendaftar. Dengan membuka Akaun Rakaniaga, Rakaniaga berkewajipan untuk memberikan data peribadi beliau yang terkini dan mengesahkan beliau bertanggungjawab sekiranya beliau memberikan data peribadi yang palsu dan/atau memberikan data kepada pihak ketiga. Selepas mengisi borang pendaftaran Rakaniaga harus memilih sistem pembayaran yang bersesuaian dari senarai di Akaun Rakaniaga.

Dengan membuka Akaun Rakaniaga [partner.fbs-affiliate.com/signup](http://partner.fbs-affiliate.com/signup) Rakaniaga tersebut mengesahkan beliau berstatus sah di sisi undang-undang untuk memasuki perjanjian dengan Syarikat, memahami dan menerima tanpa syarat terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini pada borang tersebut di mana ia disediakan secara kekal di laman web Syarikat. Rakaniaga menerima polisi-polisi dan dokumen-dokumen Syarikat, yang dirujuk di dalam Perjanjian ini.

Selepas pendaftaran Rakaniaga harus memilih tawaran dari suatu senarai: [partner.fbs-affiliate.com/offer/list](http://partner.fbs-affiliate.com/offer/list). Demi untuk berkerja dengan suatu tawaran yang eksklusif dengan syarat-syarat yang khusus, Rakaniaga harus menghantar permohonan bertulis kepada pengurus peribadi. Pengurus peribadi tersebut harus menghubungi Rakaniaga di dalam tempoh tiga (3) hari berkerja.

Dengan memberikan data beliau untuk pendaftaran bagi Program dan membuka sebuah Akaun, Rakaniaga tersebut mengesahkan dan menjamin bahawasanya beliau sudah mengetahui semua peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian ini, memahami maksud-maksudnya dan dengan tanpa syarat menyetujuinya bersekali dengan sebarang polisi dan dokumen Syarikat yang dirujuk di dalam teks yang terkandung di dalamnya. Peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip penggunaan dan perlindungan data peribadi Rakaniaga dikawal selia oleh Polisi Perlindungan Data dan Privasi [https://fbs.eu/docs/data\\_protection\\_privacy\\_policy\\_en.pdf](https://fbs.eu/docs/data_protection_privacy_policy_en.pdf)

### 3. Syarat-syarat Kerjasama

---

- 3.1 Kerjasama antara Syarikat dan Rakaniaga haruslah berdasarkan kepada Perjanjian ini bersekali dengan semua Lampiran dan tawaran Rakaniaga yang harus disediakan oleh Syarikat. Semua Lampiran kepada Perjanjian ini adalah bahagian terkamir Perjanjian ini. Rakaniaga harus mempromosikan Produk-produk berjenama 'FBS' dan Syarikat harus membayar komisen berdasarkan model-model Perkongsian Perolehan dan CPA. Syarat-syarat asas tentang model kerjasama antara Syarikat dan Rakaniaga dinyatakan di Lampiran 1 Perjanjian ini.
- 3.2 Untuk memulakan promosi tawaran, Rakaniaga harus membaca syarat-syaratnya dengan cermat dan memastikan beliau memahami semua peruntukan tawaran tersebut, maksud-maksudnya dan menyetujuinya tanpa syarat.
- 3.3 Depositori mengandungi semua bahan pemasaran yang tersedia untuk Rakaniaga dinyatakan di tawaran Rakaniaga (laman web Syarikat, dsb.). Rakaniaga haruslah mematuhi semua arahan Syarikat berkenaan kandungan bahan-bahan dan maklumat pemasaran. Rakaniaga dibenarkan untuk mengiklankan Produk-produk berjenama 'FBS' menerusi laman-laman web dan sumber-sumber lain yang telah diperiksa dan diluluskan oleh Syarikat. Komunikasi antara Rakaniaga dan Syarikat dilakukan oleh seorang pengurus peribadi yang juga kakitangan Syarikat.
- 3.4 Depositori mengandungi semua bahan pemasaran yang tersedia untuk Rakaniaga dinyatakan di tawaran Rakaniaga (laman web Syarikat, dsb.). Rakaniaga haruslah mematuhi semua arahan Syarikat berkenaan kandungan bahan-bahan dan maklumat pemasaran. Rakaniaga dibenarkan untuk mengiklankan Produk-produk berjenama 'FBS' menerusi laman-laman web dan sumber-sumber lain yang telah diperiksa dan diluluskan oleh Syarikat. Komunikasi antara Rakaniaga dan Syarikat dilakukan oleh seorang pengurus peribadi yang juga kakitangan Syarikat.
- 3.5 Semua bahan pemasaran yang dicipta sendiri oleh Rakaniaga dan/atau oleh pihak-pihak ketiga di atas arahan beliau haruslah dipersetujui oleh Syarikat dengan menghubungi pengurus peribadi sebelum sumber tersebut diterbitkan. Penggunaan bahan-bahan yang dicipta sendiri di sumber-sumber kerja Rakaniaga oleh Rakaniaga tanpa persetujuan dari Syarikat tidak boleh diterima dan bercanggah dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Affiliate. Di dalam kes ini, tindakan sasaran tidak akan dibayar, akaun Rakaniaga akan disekat. Rakaniaga mesti menghantarkan bahan-bahan berkenaan kepada pengurus peribadi untuk mendapatkan kelulusan. Sebelum itu, Rakaniaga tersebut haruslah memastikan bahan-bahan pemasaran yang telah dihantar untuk kelulusan mematuhi syarat-syarat bagi bahan-bahan berkenaan seperti yang sudah ditetapkan di dalam Perjanjian Affiliate.

3.6 Harus diketahui bahawa semua pelanggan yang ditarik akan dianggap sebagai pelanggan Syarikat dan sekutu-sekutunya secara eksklusif. Syarikat dan sekutu-sekutunya harus dianggap sebagai pemilik tunggal dan eksklusif pangkalan data yang mengandungi data nama dan kontak, serta lain-lain maklumat tentang pelanggan-pelanggan berkenaan. Rakaniaga dilarang dari menghubungi pelanggan-pelanggan dalam apa jua cara tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Syarikat terlebih dahulu. Sebarang percubaan oleh Rakaniaga untuk menghubungi pelanggan-pelanggan yang ditarik boleh dianggap oleh Syarikat sebagai pelanggaran peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

## 4. Skim-skim

---

4. 1. Model Perkongsian Perolehan: Rakaniaga akan menerima suatu peratusan (perkongsian) dari perolehan yang diperolehi oleh Syarikat dari spread semua pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga. Semua butiran bayaran dinyatakan di Lampiran 1 dan ia juga harus dipersetujui di dalam tawaran Rakaniaga.
4. 2. Model CPA: Rakaniaga akan menerima suatu ganjaran malar untuk melakukan tindakan sasaran oleh pelanggan-pelanggan. Semua butiran bayaran dinyatakan di Lampiran 1 dan ia juga harus dipersetujui di dalam tawaran Rakaniaga.
4. 3. Bayaran boleh dilakukan bila amaun minimum yang boleh dibayar dicapai sejajar dengan syarat-syarat tawaran Rakaniaga.
4. 4. Syarikat boleh melakukan pembayaran untuk Rakaniaga yang berjaya dan/atau Rakaniaga yang diberikan tawaran eksklusif di atas permintaan Rakaniaga berkenaan. Syarikat berhak untuk mengubah amaun pembayaran bagi pelan khusus di atas pertimbangan dan budi bicara mutlak Syarikat.



## 5. Hak dan Kewajipan Rakaniaga

---

### 5.1 Rakaniaga berkewajipan untuk:

- 5.1.1 menyediakan kepada Syarikat data peribadi yang sah dan boleh diandalkan bila mendaftarkan Akaun Rakaniaga;
- 5.1.2 mematuhi dengan tegas Peraturan Pemasaran Syarikat yang merupakan bahagian terkamir dokumen ini;
- 5.1.3 bersetuju dengan Syarikat sumber-sumber trafik yang diperbolehkan untuk digunakan oleh Rakaniaga bagi pengiklanan beliau. Semua sumber-sumber dan semua syarat-syarat eksklusif dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga.
- 5.1.4 mematuhi dengan ketat setiap dan semua syor pemasaran Syarikat bila melaksanakan kewajipan di dalam Perjanjian ini;
- 5.1.5 membayar cukai di atas dana-dana yang diterima sebagai komisen dari Syarikat jika ia menjadi satu tuntutan di negara tempat Rakaniaga bermastautin. Dalam masa yang sama, melepaskan Syarikat dari tanggungjawab di atas kegagalan Rakaniaga menunaikan tanggungjawab membayar sendiri cukai.

### 5.2 Rakaniaga berhak untuk:

- 5.2.1 Menyebarkan maklumat berkenaan Syarikat dan menarik pelanggan-pelanggan baru ke Produk-produk berjenama 'FBS' dengan menggunakan apa-apa perkakas yang legal, bahan-bahan pemasaran, dan sumber-sumber trafik yang dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga dan dipersetujui oleh pengurus peribadi, kecuali untuk kaedah-kaedah yang dilarang oleh Perjanjian ini dan/atau tawaran Rakaniaga, oleh perundangan negara-negara di mana Produk-produk berjenama 'FBS' diiklankan, serta standard konvensional moral dan etika;
- 5.2.2 menjejak kemajuan/keberkesanan kempen-kempen pengiklanannya dengan menggunakan perkakas-perkakas yang disediakan di Akaun Rakaniaga;
- 5.2.3 mengeluarkan ganjaran yang diterima sejajar dengan terma-terma Perjanjian ini, Lampiran-lampiran bagi Perjanjian ini, dan tawaran Rakaniaga;
- 5.2.4 menggunakan bahan-bahan pemasaran yang dicipta oleh Syarikat dan diletakkan di sumber-sumber Syarikat yang dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga (pautan ke storan awan, laman web Syarikat, dsb.).

## 6. Hak dan Kewajipan Syarikat

---

6.1 Syarikat berkewajipan untuk:

6.1.1 mengira dan memindahkan komisen kepada Rakaniaga tepat pada masanya

6.1.2 menyimpan rekod pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga.

6.2 Syarikat berhak untuk:

6.2.1 menjejak aktiviti-aktiviti para Rakaniaga dan pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh mereka, mengadakan laporan dan menganalisis tahap keberkesanan Rakaniaga;

6.2.2 menggantung pembukaan akaun pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga, serta menggantung pembayaran komisen kepada Rakaniaga, sekiranya dikesan berlaku pelanggaran Perjanjian ini oleh Rakaniaga; menyekat fungsi pengeluaran komisen dan dana-dana yang terkumpul di Akaun sehingga situasi menjadi jelas.

6.2.3 sekiranya terjadi pelanggaran syor-syor pemasaran oleh Rakaniaga, Syarikat berhak untuk:

- ✚ memberikan amaran kepada Rakaniaga dan menetapkan masa untuk menghapuskan kesalahan-kesalahan demi untuk memperbaiki pelanggaran Perjanjian ini;
- ✚ tidak mengambil kira pelanggan-pelanggan yang ditarik sepanjang tempoh pelanggaran Perjanjian ini;
- ✚ memutuskan tentang penamatan kerjasama dengan Rakaniaga dan Perjanjian ini dengan notis serta-merta kepada Rakaniaga, penyekatan Akaun dan penggantungan perakaunan pelanggan-pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga, tanpa membayar komisen bagi pelanggan-pelanggan yang telah ditarik sebelum itu. Sekatan Akaun adalah adalah proses menghadkan akses Rakaniaga kepada Akaun Rakaniaga di laman web Syarikat partner.fbs-affiliate.com.

## 7. Liabiliti Pihak-pihak

---

- 7.1 Rakaniaga harus bertanggungjawab sepenuhnya kepada Syarikat untuk penggunaan tanpa izin terhadap bahan-bahan, simbol-simbol, maklumat dan laman web milik Syarikat dan berkewajipan untuk memampas sebarang kos secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Syarikat sebagai akibat dari aktiviti-aktiviti Rakaniaga.
- 7.2 Rakaniaga bertanggungjawab sepenuhnya untuk keselamatan login dan kata laluan Akaun Rakaniaga, serta keabsahan data yang dihantarkan kepada Syarikat mengenai instrumen pembayaran untuk pengeluaran dana yang dipindahkan sebagai komisen;
- 7.3 Rakaniaga bertanggungjawab sepenuhnya kepada pihak-pihak ketiga untuk penggunaan tanpa izin harta-harta intelek pihak-pihak tersebut bila mencipta bahan-bahan pemasaran; sekiranya sebarang kos dibebankan kepada Syarikat berakibat dari tindakan-tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Rakaniaga berkaitan dengan penggunaan harta-harta intelek pihak ketiga oleh Rakaniaga, Rakaniaga berkewajipan untuk memampas sebarang kerugian dan kos kepada Syarikat secara penuh;
- 7.4 Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk kegagalan pelaksanaan kewajipannya yang berakibat dari sebab-sebab yang di luar kawalan Syarikat, seperti kegagalan teknikal pada kerja-kerja komunikasi dan pembekal-pembekal rangkaian telekomunikasi, dsb.
- 7.5 Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas kekurangan/ketiadaan tindakan oleh pihak Rakaniaga
- 7.6 Rakaniaga bertanggungjawab sepenuhnya untuk tindakan-tindakan yang dilakukannya di bawah Perjanjian ini dan menjamin bahawasanya beliau mempunyai kapasiti perundangan untuk melaksanakan tindakan-tindakan tersebut, dan tindakan-tindakan tersebut tidak melanggar undang-undang yang sah di negara mastautin Rakaniaga.

## 8. Peraturan-peraturan Pemasaran

---

### 8.1 Umum

Perdagangan Forex dan CFD adalah aktiviti yang dikawal selia justeru semua bahan-bahan promosi haruslah adil, tidak mengelirukan, jelas, serta semua tindakan Rakaniaga haruslah mematuhi semua peraturan-peraturan ini dengan ketat. Pelanggaran mana-mana peruntukan tertentu Peraturan-peraturan boleh dianggap oleh Syarikat sebagai pelanggaran peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan mengakibatkan penamatan serta-merta Perjanjian dengan Rakaniaga.

Kami beroperasi dengan lesen CySEC, yang mewajibkan kami untuk mengikuti dan menerapkan semua kemaskini terbaru yang akan dikuatkuasakan oleh regulator tersebut. Sila maklum bahawa kakitangan-kakitangan yang bertanggungjawab akan memantau semua promosi bagi pihak FBS. Justeru, regulator berkenaan berhak untuk meminta kami menarik balik data-data tertentu yang tidak mematuhi peraturan kawal selia.

Jika CySEC menuntut peraturan-peraturan atau had-had baru, dokumen ini akan dikemaskini. Kami akan memaklumkan kepada affiliate tentang perubahan-perubahan tersebut dan meminta mereka bersetuju dengan syarat-syarat baru.

Lebih banyak butiran dan contoh boleh anda temui di Contoh Promo dalam Lampiran 2

- 8.2 Rakaniaga harus menjamin untuk tidak mengiklankan Produk-produk berjenama 'FBS' kepada orang-orang yang tinggal di negara-negara di mana perdagangan Forex dilarang oleh undang-undang. Sebelum memulakan kerja-kerja, Rakaniaga harus memastikan bahawa sumber-sumber kerjanya tidak disasarkan kepada khalayak yang tidak berhak untuk menggunakan laman web yang diiklankan. Rakaniaga berkewajipan untuk mendapatkan persetujuan dari Syarikat (menerusi pengurus peribadi) berkenaan lokasi-lokasi geografi yang dirancangkan untuk kerja-kerja Rakaniaga. Semua syarat-syarat tentang lokasi geografi di mana Rakaniaga mempunyai hak untuk kerjakan haruslah dinyatakan di dalam tawaran Rakaniaga.
- 8.3 Rakaniaga harus sasarkan aktiviti-aktiviti pengiklanannya kepada mana-mana orang yang berusia lebih dari 18 tahun atau lain-lain umur dewasa yang ditetapkan bagi wilayah berlakunya aktiviti-aktiviti Rakaniaga (di wilayah di mana Produk-produk berjenama 'FBS' diiklankan).
- 8.4 Rakaniaga tidak berhak untuk menarik saudara-mara, rakan-rakan dan lain-lain orang yang berkepentingan sebagai pelanggan ke laman web yang diiklankan. Dalam perkataan lain, adalah dilarang untuk membolehkan/menawarkan kepada saudara-mara, rakan-rakan, orang-orang lain yang dikenali untuk mendaftar menggunakan pautan-pautan Rakaniaga atau apa-apa cara lain. Di dalam kerangka Program Affiliate, istilah "saudara-mara" termasuklah, namun tidak terhad kepada: pasangan, ibu bapa, anak-anak, dan adik-beradik.
- 8.5 Adalah dilarang untuk menarik pelanggan menerusi tawaran untuk mendaftar di laman yang diiklankan menerusi pautan Rakaniaga dengan balasan wang atau sebarang ganjaran lain.

- 8.6 Adalah dilarang untuk menggunakan pelencongan secara langsung dan serta-merta dari nama domain sendiri atau sebarang nama domain lain ke nama domain Syarikat dan Produk-produk berjenama 'FBS' yang diiklankan. Rakaniaga tidak mempunyai hak untuk mendaftarkan tanda-tanda dagangan dan/atau nama-nama domain yang mengandungi tanda-tanda dagangan atau nama-nama domain Syarikat dan sekutu-sekutunya, atau yang seakan-akan dengannya sehingga boleh mengelirukan. Rakaniaga bersetuju bahawa sebarang penggunaan tanda-tanda dagang, termasuk sebarang penggunaan nama-nama domain yang mengandungi tanda-tanda dagang Syarikat dan sekutu-sekutunya atau bahagian-bahagian yang seakan-akan tanda-tanda dagang Syarikat dan sekutu-sekutunya sehingga boleh mengelirukan, dilakukan hanya untuk manfaat Syarikat dengan di bawah syarat-syarat Perjanjian Affiliate; Rakaniaga tidak beroleh sebarang hak ke atas tanda-tanda dagang Syarikat dan sekutu-sekutunya dan lain-lain derivatif pengkhususan dari penggunaan beliau ke atas perkara-perkara yang tersebut.
- 8.7 Adalah dilarang untuk menggunakan pengiklanan kontekstual dengan menggunakan kata-kata kunci yang mengandungi nama jenama, tanda dagang atau nama yang didaftarkan untuk Syarikat, termasuklah yang seakan-akan, derivatif, ejaan yang salah atau terjemahan ke bahasa-bahasa lain. Adalah dilarang untuk mendaftarkan kata-kata kunci yang tersebut, unsur-unsur carian atau lain-lain pengenalan untuk kegunaan pada sistem dapat semula data atau laman web, servis pengiklanan atau sebarang servis carian atau rujukan. Penggunaan nama jenama Syarikat dibenarkan pada teks iklan itu sendiri.
- 8.8 Adalah dilarang untuk menggunakan carian-carian berjenama serta nama-nama jenama pesaing-pesaing Syarikat (dan sekutu-sekutunya) bagi tujuan mengiklankan Syarikat, termasuklah dalam bentuk-bentuk derivatif atau yang dieja dengan salah. Rakaniaga juga berkewajipan untuk menahan diri dari membandingkan "FBS" dengan jenama-jenama pesaing, dan juga dari mendedahkan syarikat-syarikat lain dengan jelik secara tidak munasabah. Peraturan yang sama juga terpakai jika Rakaniaga membeli iklan di rangkaian pengiklanan (seperti Google AdWords or BingAds).
- 8.9 Rakaniaga harus menyatakan dengan jelas maklumat tentang hubungan kerjasama dengan Syarikat pada laman-laman web dan sumber-sumber yang digunakan untuk kerja beliau. Sebarang sumber-sumber Rakaniaga yang dibangunkan sendiri oleh Rakaniaga atau dengan penglibatan pihak-pihak ketiga, yang dikhususkan hanya untuk aktiviti-aktiviti Syarikat mestilah mengandungi pernyataan bahawa sumber-sumber sebegitu bukanlah laman/sumber rasmi Syarikat. Penggunaan nama-nama domain yang seakan-akan sehingga boleh mengelirukan untuk sumber-sumber kerja Rakaniaga tidak boleh diterima dan pencabulan Peraturan-peraturan ini dan peruntukan-peruntukan Perjanjian Affiliate.
- 8.10 Jangan tawarkan sebarang peraduan atau bonus bagi pihak Syarikat dan sekutu-sekutunya, yang berbeza dari bonus-bonus yang ditawarkan oleh Syarikat dan sekutu-sekutunya. Untuk mengetahui maklumat semasa mengenai tawaran-tawaran dan program-program bonus, Rakaniaga harus menghantarkan permohonan bertulis kepada pengurus peribadi.
- 8.11 Bila menggunakan bahan-bahan pemasaran yang dicipta untuk Rakaniaga oleh pihak-pihak ketiga, Rakaniaga haruslah mempunyai semua permit-permit yang diperlukan dari pihak ketiga yang sebegitu untuk menggunakan bahan-bahan tersebut, dan Rakaniaga haruslah membebaskan Syarikat dari sebarang aduan dan pertikaian bersangkutan dengan keabsahan penggunaan bahan-bahan tersebut oleh Rakaniaga.

- 8.12 Jika bahan berkenaan diletakkan di sumber Rakaniaga dengan menyebut peluang untuk meraih keuntungan dari menggunakan <b>Produk-produk berjenama 'FBS'</b>, Rakaniaga berkenaan haruslah meletakkan pada sumber yang sama dan/atau dalam bahan yang sama satu amaran berkenaan risiko-risiko kewangan yang berkaitan dengan ciri-ciri **Produk-produk berjenama 'FBS'**. Terjemah ke dalam bahasa tempatan anda dan tambahkan amaran risiko berikut:

CFD adalah instrumen-instrumen yang kompleks dan datang bersama risiko besar kerugian secara pantas disebabkan oleh leveraj.

71% dari akaun-akaun runcit kerugian bila berdagang CFD.

Anda harus pertimbangkan sama ada anda memahami bagaimana CFD berfungsi dan sama ada anda mampu mengambil risiko besar kerugian wang anda.

Sila rujuk Perakuan dan Pendedahan Risiko kami.

Pastikan amaran risiko terlihat dan boleh dibaca. Ia harus dipapar dengan fon yang sama seperti majoriti maklumat di laman anda. Pada bila-bila masa anda menyarankan pelanggan-pelanggan untuk menyertai FBS dengan mengklik butang "Buka Akaun" atau "Daftar", tambahkan amaran risiko yang berikut:

"71% dari akaun-akaun runcit kerugian bila berdagang CFD".

Nyatakan lesen, alamat, dan nama legal FBS. Tambahkan ayat berikut:

Laman web ini dimiliki dan dioperasikan oleh **Conertics Inc.** (alamat: ul. Kukuczki Jerzego 41, Warszawa, Poland), nombor pendaftaran HE456134, dengan kebenaran Cyprus Securities and Exchange Commission, nombor lesen 331/17.

Jangan janjikan keuntungan yang terjamin. Jika anda putuskan untuk sebut tentang potensi keuntungan, jangan lupa untuk bercakap tentang potensi kerugian.

- 8.13 Rakaniaga berhak untuk menyatakan maklumat mengenai lesen-lesen Syarikat hanya untuk menzahirkan kewujudannya dan elakkan konteks pembenaran aktiviti Syarikat.
- 8.14 Bagi kes di mana pada sumber kerja ada diberikan analisis perbandingan antara Produk-produk berjenama 'FBS' dan produk-produk syarikat-syarikat pesaing, hanya maklumat yang andal sahaja boleh digunakan, dengan menyatakan sekali pautan ke maklumat tersebut.
- 8.15 Adalah dilarang untuk menyatakan apa-apa jaminan dan janji-janji bagi pihak Syarikat dan sekutu-sekutunya. Sebarang tindakan bagi pihak Syarikat dan sekutu-sekutunya adalah dilarang sama sekali. Tindakan-tindakan Rakaniaga di dalam kerangka Perjanjian Affiliate haruslah tidak dicerminkan sebagai tindakan Syarikat dan sekutu-sekutunya walau dalam apa keadaan sekali pun. Dengan menarik pelanggan-pelanggan dan menyebarkan maklumat tentang Syarikat dan Produk-produk berjenama 'FBS', Rakaniaga bertindak hanya untuk manfaat diri beliau di dalam kerangka Perjanjian Affiliate.
- 8.16 Promosikan FBS hanya di laman-laman yang berkaitan dengan perdagangan, berita-berita profesional, dan servis-servis kewangan dan pasaran. Produk kami tidak boleh dikaitkan dengan kandungan yang menjelikkan seperti pornografi, keganasan, atau bahasa yang biadap.

- 8.17 Rakaniaga berhak untuk menggunakan media sosial (Facebook, Instagram, dsb.) untuk mempromosikan dan menarik pelanggan-pelanggan. Sila maklum bahawa adalah dilarang sama sekali untuk mencipta dan menguruskan laman-laman (pages) dan profil-profil yang serupa atau seakan-akan dengan laman-laman rasmi Syarikat dan sekutu-sekutunya serta menyalin dan/atau meniru kandungan yang diterbitkan di laman-laman dan profil-profil rasmi.
- 8.18 Adalah dilarang untuk menggunakan pembidaan jenama, fraud, trafik yang diinsentifkan, spam, trafik dari sumber yang digodam, trafik berinsentif dan lain-lain kaedah yang berfungsi dengan cara yang seakan-akan dengannya. Senarai penuh sumber-sumber yang dilarang dinyatakan di tawaran Rakaniaga.
- 8.19 Adalah dilarang untuk menggunakan sumber-sumber dan perkakas-perkakas web untuk penarikan pelanggan yang mungkin merosakkan dalam apa jua cara reputasi Syarikat (dan juga sekutu-sekutunya). Rakaniaga juga berkewajipan untuk menahan diri dari mengiklankan Produk-produk berjenama 'FBS' menggunakan pernyataan-pernyataan yang mengelirukan.
- 8.20 Rakaniaga mesti mematuhi syarat-syarat yang diterima pakai secara umum di dunia pemasaran digital berkaitan dengan 'spam' atau mesej-mesej elektronik dan perhubungan yang tidak dikehendaki oleh pelanggan seperti syarat-syarat dan ketetapan pada CAN-SPAM Act of 2003. Rakaniaga bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti beliau di dalam kerangka Perjanjian Affiliate akan konsisten dengan, di antaranya, standard-standard industri pemasaran digital. Sebarang tindakan yang tidak boleh diterima boleh dianggap sebagai pencabulan Peraturan-peraturan ini dan peruntukan-peruntukan Perjanjian Affiliate secara umum.

## 9. Harta intelek

---

Nama dagangan, tanda-tanda dagangan, logo-logo, dan lain-lain kaedah pengindividuan Syarikat, sama ada sudah didaftarkan atau tidak didaftarkan, serta semua unsur yang terkait dengannya seperti nama-nama domain, rekaan-rekaan dan komponen-komponen rekaan laman-laman web Syarikat dan Produk-produk berjenama 'FBS', adalah dilindungi oleh undang-undang harta intelek.

Syarikat menjamin bahan-bahan pemasaran yang dibangunkan oleh Syarikat dan diberikan kepada Rakaniaga untuk promosi produk/servis Syarikat, serta bahan-bahan yang diletakkan pada Produk-produk berjenama 'FBS' mungkin mengandungi kandungan yang bukan harta intelek Syarikat, termasuk namun tidak terhad kepada gambar foto, imej-imej, ikon-ikon, klip-klip video, trek-trek audio, teks, dsb. Kandungan-kandungan tersebut sentiasa digunakan oleh Syarikat secara sah dan dengan izin pemilik hakcipta, dan/atau bebas dari sebarang hak atau tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga. Penggunaan Bahan-bahan Pemasaran Syarikat oleh Rakaniaga tidak bermaksud pemberian hak-hak intelek tersebut kepada Rakaniaga untuk digunakan dan penyerahan harta intelek Syarikat dan kandungan Produk-produk berjenama 'FBS' kepada pihak-pihak ketiga. Kerjasama harus dijalankan di atas dasar lesen non-eksklusif yang ringkas. Seajar dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, Syarikat menyediakan kepada Rakaniaga suatu lesen yang tidak boleh dipindahkan kepada pihak-pihak ketiga untuk sepanjang tempoh Perjanjian ini untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran dan wadah pengindividuan Syarikat hanya untuk tujuan mempromosikan produk/perkhidmatan Syarikat dan penggunaannya di sumber/laman web Rakaniaga semata-mata.

Dengan menerima terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, Rakaniaga bersetuju untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran Syarikat dan hak untuk meletakkan wadah pengindividuan hanya untuk kegunaan mempromosikan produk-produk/servis-servis Syarikat. Pada masa yang sama, Rakaniaga berkewajipan dalam apa jua keadaan untuk tidak memasuki pertikaian dengan Syarikat tentang pemilikan bahan-bahan dan wadah pengindividuan. Rakaniaga berkewajipan untuk dengan serta merta memberitahu Syarikat sebarang kejadian penggunaan secara tidak sah bahan-bahan pemasaran dan/atau wadah pengindividuan Syarikat. Adalah dilarang untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran dan/atau wadah pengindividuan Syarikat untuk menjejaskan Syarikat.

## 10. Privasi

---

Rakaniaga berkewajipan untuk memastikan keselamatan maklumat sulit yang diberikan oleh Syarikat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: mesej-mesej yang dihantar menerusi emel, dokumentasi dan data-data lain, yang menjadi pengetahuan Rakaniaga sepanjang tempoh berlakunya Perjanjian ini. Pihak-pihak dalam Perjanjian ini terikat dengan Peruntukan-peruntukan mengenai privasi termasuk 3 tahun selepas penamatan Perjanjian ini.



## 11. Tempoh dan Penamatan

---

- 11.1 Perjanjian ini berkuatkuasa mulai dari saat penerimaan persetujuan calon Rakaniaga ketika beliau menghantarkan borang yang sudah diisi untuk pendaftaran Akaun Rakaniaga. Tempoh Perjanjian tidak terhad dan boleh ditamatkan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, termasuk oleh salah satu dari Pihak-pihak dalam Perjanjian ini.
- 11.2. Rakaniaga berhak untuk menamatkan Perjanjian ini di atas budi bicara beliau sendiri dengan menghantarkan notis bertulis kepada pengurus peribadi dengan menyatakan tarikh mulai dari mana Rakaniaga itu mahu Perjanjian ini ditamatkan.
- 11.3 Syarikat berhak untuk menamatkan Perjanjian ini secara sepihak di atas budi bicaranya sendiri dengan menghantarkan notis bertulis kepada alamat emel Rakaniaga yang dinyatakan di akaun Rakaniaga. Di dalam notis ini, Syarikat harus menyatakan tarikh mulai dari mana Perjanjian ini harus diperkirakan sudah tamat, serta prosedur untuk pemindahan komisen (sekiranya ada).
- 11.4 Perjanjian harus diperkirakan telah tamat dan tidak sah mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh pihak Perjanjian dalam notis penamatan.
- 11.5 Penamatan Perjanjian ini bererti pembatalan semua lesen dan hak yang diberikan kepada Rakaniaga untuk menggunakan bahan-bahan pemasaran Syarikat, serta apa-apa simbol yang berkaitan dengan Syarikat dan/atau sumber-sumber maklumat yang dibangunkan oleh Rakaniaga dengan persetujuan Syarikat dan mengandungi maklumat mengenai Syarikat. Penamatan Perjanjian ini juga bererti penamatan kewajipan Syarikat berkaitan pemindahan komisen kepada Rakaniaga yang dikenakan untuk pelanggan-pelanggan yang ditarik. Selaras dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini berkaitan privasi berkuatkuasa walaupun terdapat pemberitahuan penamatan Perjanjian yang dihantar oleh mana-mana satu pihak.
- 11.6 Perjanjian ini di dalam bahasa Inggeris boleh didapati di akaun Rakaniaga – [partner.fbs-affiliate.com](https://partner.fbs-affiliate.com), di seksyen 'Berita' dan juga di dalam keterangan tawaran. Seandainya ada sebarang percanggahan di antara versi bahasa Inggeris dan versi bahasa-bahasa lain, versi bahasa Inggeris Perjanjian ini mengatasi dan terpakai.

## 12. Aduan dan Pertikaian

---

- 12.1 Syarikat berhak untuk membuat pindaan kepada teks Perjanjian ini, Lampiran-lampiran kepada Perjanjian dan lain-lain dokumen Syarikat yang dirujuk di dalam Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang alasan. Syarikat akan memaklumkan kepada Pelanggan tentang pindaan-pindaan berkenaan menerusi alamat emel yang dinyatakan di akaun Rakaniaga.
- 12.2 Syarikat berhak untuk mengubah syarat-syarat tawaran Rakaniaga atau untuk menarik balik tawaran Rakaniaga dengan menghantarkan notis ke alamat emel Rakaniaga yang dinyatakan di akaun Rakaniaga.
- 12.3 Sebarang aduan haruslah dihantar kepada pengurus peribadi, tempoh mempertimbangkan surat tersebut adalah sepuluh hari berkerja mulai dari penerimaan surat tersebut. Aduan-aduan tentang pampasan untuk kerosakan moral dan kehilangan manfaat tidak diterima untuk pertimbangan dan tidak boleh diberikan pampasan oleh Syarikat. Jika pertikaian tidak disebut di dalam Perjanjian ini, Syarikat boleh menyelesaikan pertikaian tersebut dengan budi bicaranya sendiri. Bagi sebarang kes, keputusan akhir harus dibuat oleh Syarikat. Pertikaian yang tidak dikawal oleh perundingan atau sewaktu pertimbangan aduan harus dirujuk ke mahkamah Poland. Undang-undang yang terpakai adalah undang-undang Poland.
- 12.4 Aktiviti-aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
- 12.4.1 Dalam menggunakan Program Affiliate Syarikat, anda bersetuju dan memperakui bahawa anda tidak akan menggunakan produk-produk dan servis kami untuk sebarang Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan. Keterangan tentang aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan disenaraikan di bawah. Ini adalah senarai yang tidak lengkap.
- 12.4.2 'Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan' bermaksud apa-apa tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- ✚ Mempromosikan kepada atau Menarik;
  - ✚ Siarbitra. Arbitraj adalah apa-apa hasil perdagangan yang merupakan natijah kepada tindakan-tindakan yang sama ada menyingkirkan semua risiko secara total atau signifikan, biasanya menyalahgunakan fitur-fitur yang dibekalkan oleh Syarikat. Bagi Rakaniaga yang dikenal pasti baik secara sengaja atau tidak sengaja menarik siarbitra, komisen yang dihasilkan oleh para siarbitra akan dibatalkan.
  - ✚ Lindung nilai (hedging) dengan niat jahat. Lindung nilai adalah strategi yang digunakan untuk menghadkan atau mengimbangi kebarangkalian kerugian dari turun naik harga komoditi, matawang, atau sekuriti. Lindung nilai dengan niat jahat adalah penggunaan pelbagai teknik namun, secara asasnya mengambil posisi yang sama besar dan bertentangan bagi Produk Kewangan yang sama atau suatu Produk Kewangan yang sangat berkorelasi pada waktu yang hampir serentak, menunjukkan ketiadaan minat untuk perdagangan yang tulen. Ini boleh berlaku dengan satu akaun atau dengan beberapa akaun.
  - ✚ Penggunaan leveraj yang melampau. Leveraj yang melampau adalah pembukaan suatu posisi yang memerlukan margin yang hampir bersamaan dengan keseluruhan baki

yang masih bebas digunakan. Strategi ini meningkatkan bahaya kepada akaun pelanggan dengan signifikan sehingga berakhir dengan baki negatif yang besar.

- ✚ Berdagang dengan harga luar pasaran. Adalah tidak dibenarkan untuk melakukan aktiviti yang melibatkan pembelian Produk-produk Kewangan pada apa-apa harga selain dari harga pasaran pada waktu tersebut.
- ✚ Penjanaan. Penjanaan (churning) bermaksud perdagangan secara berlebihan yang bertujuan untuk menghasilkan komisen. Walaupun tiada ada ukuran kuantitatif untuk penjanaan, pembelian dan penjualan sekuriti yang kerap dan tidak banyak membantu untuk memenuhi objektif pelaburan pelanggan boleh dianggap sebagai bukti penjanaan.
- ✚ Salah Guna Jurang Berita dan Jurang Rehat (News Gap and Break Gap Trading Abuse). Semua produk menyaksikan rehat sama ada secara intrahari, harian, atau mingguan. Adalah normal untuk harga terakhir sebelum rehat dan harga pertama selepas rehat untuk berbeza dengan signifikan. Perbezaan ini, juga dikenali sebagai 'jurang' (gap), bererti tidak ada pasaran (tiada harga yang boleh didagangkan) pada julat tersebut. Jurang juga boleh terjadi kesan dari pengumuman berita. Syarikat berbangga mampu menawarkan renti rugi, ambilan untung, pelaksanaan pesanan tertunda, dan perlindungan baki negatif yang dijamin untuk melindungi dan memperelok perdagangan pelanggan-pelanggannya. Sungguh pun begitu, adalah dilarang untuk menggunakan fitur-fitur ini dengan niat jahat. Contoh di mana fitur-fitur ini digunakan dengan niat jahat adalah:
  - Posisi-posisi dibuka beberapa minit atau malah beberapa saat sebelum rehat atau pengumuman berita, untuk cuba menjana keuntungan tanpa risiko pergerakan pasaran.
  - Posisi yang cukup besar berbanding baki pada akaun untuk cuba sama ada menjana keuntungan atau berakhir dengan baki negatif yang ditanggung oleh syarikat bagi pihak anda.
  - Posisi-posisi serentak dalam arah bertentangan (pesanan pasaran atau tertangguh) menunjukkan ketiadaan minat terhadap arah tuju gerakan pasaran.
- ✚ Operasi Berbilang Akaun. Affiliate atau pelanggan yang dikenalkan oleh Affiliate tidak boleh berdagang menggunakan akaun-akaun orang lain atau membolehkan orang lain untuk berdagang menggunakan akaun mereka. Bukti aktiviti ini termasuklah
  - akaun-akaun dioperasikan dari lokasi yang sama,
  - penggunaan/mempamerkan alamat IP yang sama
  - berbilang akaun menunjukkan pola deposit dan pengeluaran yang sama,
  - akaun-akaun menunjukkan pola perdagangan yang sama, serupa atau seakan-akan, atau
  - akaun-akaun berkongsi peranti yang sama.

Seandainya aktiviti-aktiviti ini ditemui, syarikat berhak untuk menutup akaun-akaun yang terlibat dan semua posisi perdagangan aktif yang berkaitan.

- ✚ Tindakan. Syarikat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar yang dirasakan perlu bagi keadaan-keadaan di mana terma-terma dan syarat-syarat perjanjian ini telah dicabuli. Akibat-

akibat dari pencabulan satu atau lebih syarat, yang dianggap 'aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan', termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantungan atau penutupan dagangan, pemulangan dana, penggantungan atau penutupan akaun anda, perubahan dan/atau pengurangan leveraj.

## Lampiran 1

### 1. Produk-produk berjenama 'FBS'

**Fbs EU\*** – sebuah broker forex Eropah, dikawal selia oleh CySec;

\* *Fbs.eu, my.fbs.eu + domain-domain tempatan dan laman-laman persinggahan (Landing pages)*

### 2. Jenis-jenis tawaran

Program Affiliate FBS menyediakan dua jenis tawaran untuk para Rakaniaga: Web dan Mobile yang berbeza model pembayaran, produk-produk promosi dan lokasi geografi promosi:

Web	Mobile
FBS EU* [WEB Revenue share]	FBS Trader [Mobile Revenue share]
FBS EU [WEB CPA]	FBS Trader [Mobile CPA]

\* *Fbs.eu, my.fbs.eu + domain-domain tempatan dan laman-laman persinggahan (Landing pages)*

Syarat-syarat penuh untuk setiap tawaran diperincikan di akaun Rakaniaga [partner.fbs-affiliate.com/offer/list](http://partner.fbs-affiliate.com/offer/list).

### 3. Model-model pembayaran:

- Perkongasian Perolehan – sistem pembayaran kepentingan yang dikira berdasarkan keuntungan syarikat dari spread.
- CPA (cost per action) – bayaran kadar malar bagi aksi sasaran pelanggan yang terlaksana.

### 4. Maklumat pembayaran

Menurut model 'Perkongasian Perolehan' Rakaniaga akan menerima 40%-70% dari perolehan yang diterima oleh broker-forex dari spread semua pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga. Rakaniaga akan menerima bahagian mereka yang tersebut sepanjang 3 (tiga) bulan pertama mulai dari pendaftaran pelanggan di Produk-produk berjenama 'FBS'. Peratusan bahagian tersebut bergantung kepada bilangan pelanggan yang ditarik oleh Rakaniaga. Sila lihat jadual yang mengandungi KPI untuk perkongasian perolehan tawaran WEB di bawah:

Bilangan pelanggan yang ditarik* per bulan	Pendaftaran	Bilangan lot yang didagangkan oleh satu pelanggan	Peratusan dari perolehan menerusi spread (tiga bulan pertama)
1-10	+	min 2	40%
11-49	+	min 2	50%
50-99	+	min 2	60%
100 atau lebih	+	min 2	70%

- Menurut model 'CPA', Rakaniaga akan menerima suatu ganjaran malar untuk pelakuan tindakan sasaran oleh pelanggan-pelanggan. Amaun pembayaran boleh berbeza-beza pada tawaran MOB bergantung kepada lokasi geografi dan jenis peranti mudah alih (IOS/Android) pelanggan yang ditarik; bagi tawaran WEB, ia bergantung kepada lokasi geografi pelanggan-pelanggan yang ditarik. Jumlah bayaran dan keterangan aksi sasaran yang dibayar diperincikan di keterangan tawaran

7. Promosi Rakaniaga (konversi) dikawal dengan cermat oleh Syarikat. Konversi dibayar oleh Syarikat setelah tamat tempoh pendam (hold period). Tempoh pendam - suatu tempoh selama 30 hari kalendar di mana Syarikat mengawal konversi Rakaniaga. Tempoh pendam ditetapkan oleh Syarikat di atas budi bicaranya sendiri, Rakaniaga diberitahu menerusi emel.
8. Pembayaran dilakukan dua kali sebulan: pada hari ke-10 dan hari ke-25 setiap bulan. Seandainya tarikh-tarikh yang tersebut jatuh pada hujung minggu atau hari cuti, pembayaran akan dibuat pada hari berkerja pertama selepas hujung minggu dan/atau hari cuti.
9. Untuk Rakaniaga yang berpendapatan melebihi purata, pembayaran boleh dibuat di atas permintaan. Bagi kerjasama yang berjaya, Syarikat di atas budi bicaranya boleh meningkatkan pembayaran Rakaniaga tersebut.
10. Amaun minimum yang boleh dibayar adalah \$50. Matawang akaun adalah USD.

## Lampiran 2

### Contoh Promo

Jika anda memutuskan untuk menyertai Affiliates FBS, anda akan menjadi seorang duta jenama yang bersetuju untuk mematuhi polisi-polisi, peraturan-peraturan, wawasan, dan nilai-nilai kami. Kami mahu FBS dipromosikan sebagai:

#### **Andal dan selamat**

FBS dilesenkan oleh CySEC iaitu salah satu badan kawal selia kewangan yang paling dihormati di EEA. Untuk para pelanggan, ini bermakna FBS berikrar untuk:

- Menjaga dana mereka dengan selamat
- Melindungi akaun-akaun mereka dari kecurian identiti, hapus kira secara haram, dan akses tanpa izin ke atas data peribadi
- Mematuhi undang-undang anti pengganas dan anti penggubahan wang haram

#### **Dipelbagaikan**

FBS menawarkan pilihan meluas perkakas-perkakas dan servis-servis untuk para pedagang dengan pengalaman dan keperluan yang berbeza-beza.

Pelanggan boleh menggunakan 34 instrumen perdagangan dan 2 logam, pilih jenis akaun yang sesuai untuk strategi mereka, menggunakan kalkulator pedagang, kalendar ekonomi, khidmat sokongan pelanggan 24/7, dan kalkulator pengurusan wang.

#### **Mudah difahami**

FBS bukan sahaja menyediakan beraneka pilihan instrumen perdagangan dan servis tetapi juga mendidik pelanggan-pelanggan dan membangunkan kemahiran mereka. Kami menawarkan Buku Panduan Forex untuk para pedagang dari semua tahap, menganjurkan webinar mingguan, berkongsi video-video tutorial, artikel analisis, berita pasaran. Selain itu, para pengarang blog kami menerbitkan maklumat yang dipermudahkan tetapi berguna mengenai servis-servis FBS, trend-trend pasaran, dan pelbagai strategi perdagangan.

#### **Berdaya sesetempat**

Semua kandungan yang dibekalkan diterjemah dan disesetempatkan ke dalam enam bahasa Eropah yang paling popular: Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol, Portugis, Itali.

Affiliates FBS dijemput berkerja bersama kami! Bagaimana pun, justeru dari peraturan dan polisi syarikat, anda sebagai affiliate harus sedar tentang syarat-syarat yang kami telah adakan untuk anda. Pastikan anda mematuhi semua peraturan di bawah bila memulakan promosi untuk pihak Conertics Inc.

#### **Contoh**

- Elakkan pernyataan-pernyataan mutlak jika anda tidak boleh berikan sumber maklumat sebagai bukti. Jika anda tidak mampu membuktikan dakwaan anda, gunakan cara-cara alternatif:

##### ***Gunakan***

One of the most reliable brokers in the region; Among the leading CFD providers.

##### ***Elakkan***

Broker Forex terbaik; Pembekal CFD paling andal; Broker nombor 1 untuk para pedagang.

- Jangan janjikan keuntungan, pendapatan yang terjamin, atau kejayaan kewangan.

##### ***Gunakan***

Anda boleh mendapat manfaat dari pelaburan ini; Ketahui cara-cara berdagang untuk mulakan kembara kewangan anda;

***Elakkan***

Jana keuntungan dengan CFD; Bersedia untuk jadi kaya; Lebih banyak wang untuk anda; Masa untuk beroleh pendapatan; Wang boleh tumbuh; Raih pendapatan dengan Forex; Kita akan berjaya di pasaran tidak lama lagi; Dapatkan pendapatan tambahan sekelip mata; Peluang kejayaan anda adalah 100%

- Jangan kaitkan perdagangan dengan perjudian atau sebarang permainan.

***Gunakan***

Berdagang sebagai seorang profesional; Melaburlah dengan bijak; Pertimbangkan risiko bila berdagang; Analisa pasaran

***Elakkan***

Main di pasaran; Bertaruh dengan berdagang CFD; Permainan wang; Menang dengan turun naik matawang

- Jangan perjelaskan perdagangan dengan perkataan-perkataan yang bermaksud 'mudah'. Sebaliknya, gunakannya untuk perkakas, pendidikan, platform-platform yang ditawarkan oleh FBS.

***Gunakan***

la mudah untuk ditelusuri; Akses mudah kepada bahan-bahan pendidikan; Antaramuka yang intuitif

***Elakkan***

Wang mudah; Berdagang mudah serta menguntungkan; Orang yang baru bermula pun boleh berdagang dengan mudah

- Jangan sesekali tulis "bebas risiko"

***Gunakan***

Akses percuma kepada semua perkakas; Bahan-bahan analisis tersedia dengan percuma di laman

***Elakkan***

Perdagangan bebas risiko

- Pastikan ia jelas bahawa FBS menyediakan hanya CFD sebagai instrumen perdagangan

***Gunakan***

Dagangkan CFD dengan FBS; Sertai pasaran Forex

***Elakkan***

Dagangkan saham dengan FBS; Indeks dan ETF adalah instrumen perdagangan paling lazim digunakan oleh FBS.

- Gunakan perkataan "komisen" bagi menggantikan "fi"

***Gunakan***

Anda tidak perlu bayar komisen

***Elakkan***

Tiada fi urusniaga; Anda boleh berdagang tanpa fi



**Amaran Risiko:**

CFD adalah instrumen-instrumen yang kompleks dan datang bersama risiko besar kerugian secara pantas disebabkan oleh leveraj.

71% dari akaun-akaun pelabur runcit kerugian bila berdagang CFD dengan pembekal ini.

Anda harus pertimbangkan sama ada anda memahami bagaimana CFD berfungsi dan sama ada anda mampu mengambil risiko besar kerugian wang anda.

Sila rujuk Perakuan dan Pendedahan Risiko kami.